



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 9(65)
Tarikh : 19 Mac 2024

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 5 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME*
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2024

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020: Penambahbaikan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2021 bertarikh 26 November 2020. *Dual Language Programme* (DLP) merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris (BI) sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

3. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2022 bertarikh 25 Mei 2022 telah memutuskan untuk membuat penambahbaikan terhadap Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020: Penambahbaikan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2021 bertarikh 26 November 2020.
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024 bertarikh 29 Februari 2024 telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024.
5. Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024 ini adalah untuk memberikan penjelasan tentang syarat dan tatacara pelaksanaan DLP di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bawah KPM.

PELAKSANAAN

6. Garis panduan ini melibatkan penambahbaikan seperti yang berikut:
 - 6.1 Syarat penyertaan sekolah dalam program DLP hendaklah merujuk pencapaian murid Tahun 6 untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Ujian Akhir Sesi Akademik.
 - 6.2 Sekolah yang melaksanakan DLP perlu memastikan terdapat **sekurang-kurangnya satu kelas** pada setiap Tahun/Tingkatan yang melaksanakan PdP menggunakan bahasa kebangsaan/bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar bermula dengan Tahun 1 dan Tingkatan 1 mulai Kalendar Akademik Sesi 2024/2025.

7. Surat pekeliling ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama SPI seperti yang berikut:

7.1 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 Tahun 2018: Kesenambungan Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) di Peringkat Menengah Atas Secara Berperingkat - Peringkat Mulai Tahun 2019.

7.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2019: Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) Sarawak Mulai Tahun 2020 bertarikh 15 November 2019.

8. Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024 yang dilampirkan bersama-sama SPI ini adalah sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah.

TARIKH KUAT KUASA

9. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

10. Dengan berkuatkuasanya SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020: Penambahbaikan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2021 bertarikh 26 November 2020 adalah **terbatal**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

11. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



~~(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia~~

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
DUAL LANGUAGE PROGRAMME
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2024**

ISI KANDUNGAN

	Tajuk	Muka surat
1.0	Latar Belakang	2
2.0	Tujuan	2
3.0	Objektif	2
4.0	Takrifan Operasi	2 - 3
5.0	Kriteria Penyertaan Sekolah	3 - 4
6.0	Kriteria Pemilihan Guru Yang Mengajar Kelas Yang Melaksanakan DLP	5
7.0	Pertukaran Guru dan Penempatan Pertukaran Guru Yang Mengajar Kelas Yang Melaksanakan DLP	5 - 6
8.0	Penetapan Mata Pelajaran DLP	6 - 7
9.0	Dokumen Kurikulum dan Buku Teks	7
10.0	Peruntukan Masa PdP	7
11.0	Pentaksiran	7
12.0	Tatacara Pembukaan dan Pengoperasian DLP	7 - 14
13.0	Tugas dan Tanggungjawab	14 - 19
14.0	Pengurusan DLP	20
15.0	Penutup	20
16.0	Carta Alir	21 - 23
17.0	Lampiran Borang-borang	24 - 34

1.0 Latar Belakang

DLP merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan oleh KPM. Program ini dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

2.0 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang tatacara pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

3.0 Objektif

Pelaksanaan DLP bertujuan untuk:

- 3.1 memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid melalui PdP mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan;
- 3.2 memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan akses bagi penerokaan pelbagai bidang ilmu untuk bersaing pada peringkat global; dan
- 3.3 meningkatkan kebolehpasaran murid dalam alam pekerjaan.

4.0 Takrifan Operasi

Takrifan operasi yang dinyatakan di bawah hanya digunakan untuk tujuan pelaksanaan DLP sahaja.

- 4.1 Sekolah yang mendapat kelulusan KPM untuk melaksanakan DLP

Sekolah yang mendapat kelulusan melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan oleh KPM.

- 4.2 Kelas yang melaksanakan DLP

Kelas yang melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan oleh KPM.

4.3 Guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP

Guru yang melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan/atau Matematik yang ditetapkan oleh KPM.

4.4 Murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP

Murid yang mengikuti PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan oleh KPM.

4.5 Mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan

Mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan oleh KPM tertakluk kepada sebarang perubahan.

5.0 Kriteria Penyertaan Sekolah

Sekolah yang layak untuk melaksanakan DLP hendaklah memenuhi kriteria yang berikut:

5.1 Sekolah mempunyai sumber yang mencukupi

Sekolah hendaklah mempunyai guru yang memenuhi kriteria yang ditetapkan pada **Perkara 6.0** untuk mengajar mata pelajaran Sains dan/atau Matematik dalam bahasa Inggeris. Di samping itu, **sekolah hendaklah mempunyai bilik darjah dan/atau bilik khas yang mencukupi** untuk melaksanakan PdP DLP.

5.2 Pengetua/Guru Besar (PGB) mempunyai perancangan untuk melaksanakan DLP

5.2.1 PGB hendaklah menyediakan perancangan jangka panjang dan jangka pendek pelaksanaan DLP yang merangkumi aspek seperti mempunyai bekalan guru yang mencukupi serta kesediaan guru mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan dalam bahasa Inggeris.

5.2.2 PGB juga perlu menyediakan program pembangunan profesionalisme guru Sains dan Matematik bagi memperkasa PdP dalam bahasa Inggeris secara terancang dan berterusan.

5.2.3 Faktor kebolehan dan kesediaan murid untuk mengikuti kelas yang melaksanakan DLP juga perlu dipertimbangkan. Sekolah juga perlu menyediakan bekalan bilik darjah yang mencukupi. Semua aspek ini

adalah bertujuan untuk memastikan keberkesanan dan kelangsungan pelaksanaan DLP pada peringkat sekolah.

5.2.4 Akhirnya, perancangan tersebut perlu diserahkan kepada pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN) **sebelum atau pada 31 Mac tahun sebelumnya** untuk mendapatkan kelulusan pelaksanaan.

5.3 Persetujuan daripada ibu bapa/penjaga

Sekolah hendaklah mendapatkan persetujuan secara bertulis (**rujukan: DLP-KPM 01/2024**) daripada ibu bapa/penjaga sebelum kelas yang melaksanakan DLP boleh dibuka.

5.4 Pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (BM)

5.4.1 Sekolah Rendah

- i. sebanyak 70 peratus murid Tahun 6 mencapai Tahap Penguasaan TP3 untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Gred D dalam Ujian Akhir Sesi Akademik; dan
- ii. sebagai tambahan, selain daripada syarat pencapaian BM, sekolah jenis kebangsaan (SJK) juga perlu mengambil kira sebanyak 70 peratus murid Tahun 6 mencapai Tahap Penguasaan TP3 untuk mata pelajaran bahasa ibunda dalam PBD dan Gred D dalam Ujian Akhir Sesi Akademik.

5.4.2 Sekolah Menengah

- i. Pencapaian gred purata mata pelajaran (GPMP) BM Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekolah bagi tahun sebelumnya hendaklah **sama atau lebih baik** daripada pencapaian GPMP BM kebangsaan atau menunjukkan peningkatan prestasi pencapaian mata pelajaran BM bagi tiga tahun berturut-turut (usaha ke arah peningkatan).

6.0 Kriteria Pemilihan Guru yang Mengajar Kelas yang Melaksanakan DLP

Kriteria pemilihan guru untuk mengajar mata pelajaran Sains dan/atau Matematik dalam bahasa Inggeris adalah seperti ketetapan yang berikut:

6.1 Guru opsyen mata pelajaran:

- 6.1.1 Sains;
- 6.1.2 Sains Tambahan;
- 6.1.3 Fizik;
- 6.1.4 Kimia;
- 6.1.5 Biologi;
- 6.1.6 Matematik; atau
- 6.1.7 Matematik Tambahan.

6.2 Guru bukan opsyen:

- 6.2.1 Berpengalaman mengajar mata pelajaran Sains dan/atau Matematik sekurang-kurangnya satu tahun; atau
- 6.2.2 Memiliki diploma/ijazah sarjana muda/ijazah sarjana/ijazah kedoktoran dalam bidang lain-lain yang setara dengan Sains dan Matematik.

6.3 Guru yang dikenal pasti hendaklah berkeupayaan mengajar mata pelajaran Sains dan/atau Matematik yang ditetapkan dalam bahasa Inggeris dan hendaklah disahkan secara bertulis oleh PGB dengan mengambil kira pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM sekurang-kurangnya kepujian atau setara dengannya.

6.4 Guru yang melaksanakan DLP perlu mengikuti kursus sokongan bahasa Inggeris anjuran KPM.

7.0 Pertukaran Guru dan Penempatan Pertukaran Guru yang Mengajar Kelas yang Melaksanakan DLP

Bagi pertukaran guru dan penempatan pertukaran guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP, proses penempatan dan pertukaran adalah seperti ketetapan yang berikut:

7.1 Pertukaran guru

- 7.1.1 Guru boleh memohon pertukaran secara dalam talian melalui sistem e-GTukar. PPD/JPN hendaklah memastikan pertukaran guru dilaksanakan tanpa menjejaskan PdP murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP.

7.1.2 Urusan pertukaran bagi guru bawah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) dan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional (BPLTV) **diuruskan sepenuhnya oleh Bahagian masing-masing dengan kerjasama JPN.**

7.2 Penempatan pertukaran guru

7.2.1 Penempatan guru yang diluluskan bertukar hendaklah dipertimbangkan oleh PPD/JPN untuk ditempatkan di sekolah yang melaksanakan DLP.

7.2.2 PPD/JPN boleh melaksanakan **penempatan semula guru** bagi memastikan bekalan guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP mencukupi mengikut surat pekeliling ikhtisas (SPI) dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

7.2.3 Urusan penempatan bagi guru bawah BPSBP, BPI, BSCK dan BPLTV **diuruskan oleh bahagian masing-masing dengan kerjasama JPN.**

7.2.4 Penempatan pertukaran guru yang melaksanakan DLP hendaklah dikekalkan penandaan opsyen mata pelajaran walaupun bertukar ke sekolah yang tidak melaksanakan DLP.

7.3 Penempatan guru baharu

Agihan penempatan guru baharu yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) ke semua negeri berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan jawatan di negeri-negeri berkenaan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), manakala urusan penempatan guru ke daerah dan sekolah adalah bawah tanggungjawab JPN dan PPD.

8.0 Penetapan Mata Pelajaran DLP

Mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan oleh KPM adalah seperti yang berikut:

8.1 Peringkat Sekolah Rendah

8.1.1 Sains; dan

8.1.2 Matematik.

8.2 Peringkat Menengah Rendah

8.2.1 Sains; dan

8.2.2 Matematik.

8.3 Peringkat Menengah Atas

8.3.1 Sains;

8.3.2 Sains Tambahan;

8.3.3 Fizik;

8.3.4 Kimia;

8.3.5 Biologi;

8.3.6 Matematik; dan

8.3.7 Matematik Tambahan.

9.0 Dokumen Kurikulum dan Buku Teks

Bahan yang disediakan dalam bahasa Inggeris adalah seperti yang berikut:

9.1 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP); dan

9.2 Buku teks mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan.

10.0 Peruntukan Masa PdP

Peruntukan masa PdP mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan adalah seperti peruntukan masa yang ditetapkan dalam SPI yang sedang berkuat kuasa.

11.0 Pentaksiran

Pentaksiran bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan adalah seperti yang berikut:

11.1 Pentaksiran bilik darjah dan peperiksaan dalaman sekolah bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan untuk kelas yang melaksanakan DLP **hendaklah disediakan dan dilaksanakan dalam dwibahasa.**

11.2 Peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan yang ditetapkan untuk kelas yang melaksanakan DLP **hendaklah disediakan dan dilaksanakan dalam dwibahasa.**

12.0 Tatacara Pembukaan dan Pengoperasian DLP

Tatacara pembukaan dan pengoperasian DLP adalah seperti ketetapan yang berikut:

12.1 Pembukaan Sekolah

12.1.1 Sekolah Harian

Permohonan untuk menyertai DLP bagi **sekolah baharu** adalah seperti ketetapan yang berikut:

- i. sekolah yang ingin memohon hendaklah menghantar surat permohonan dan menyertakan **Borang Kesediaan Sekolah** yang diisi dengan lengkap ke PPD untuk proses verifikasi kelayakan sekolah untuk melaksanakan DLP. PPD kemudian akan menghantar surat permohonan dan menyertakan **Borang Kesediaan Sekolah (rujukan: DLP-KPM 02/2024)** yang telah diverifikasi kepada JPN **sebelum atau pada 31 Mac tahun sebelumnya;**
- ii. JPN menyemak dan mengesahkan kelayakan sekolah serta melengkapkan **Borang Pengesahan Kesediaan Sekolah (rujukan: DLP-KPM 03/2024)** sebelum mengemukakan permohonan ke BPSH;
- iii. JPN menentu sah dan menghantar senarai sekolah kepada BPSH **sebelum atau pada 30 April;**
- iv. BPSH membentangkan permohonan sekolah kepada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) untuk kelulusan **sebelum atau pada 30 Jun;**
- v. BPSH memaklumkan kelulusan pelaksanaan DLP kepada JPN untuk dikemukakan kepada sekolah berkaitan; dan
- vi. sekolah melaksanakan DLP berdasarkan kelulusan yang diberi.

12.1.2 Sekolah bawah pengurusan BPSBP, BPI, BSKK dan BPLTV.

Permohonan bagi sekolah berasrama penuh, sekolah agama, sekolah seni, sekolah sukan, sekolah teknik dan kolej vokasional untuk menyertai DLP adalah seperti ketetapan yang berikut:

- i. sekolah yang ingin memohon hendaklah menghantar surat permohonan dan menyertakan **Borang Kesediaan Sekolah**

(rujukan: DLP-KPM 02/2024) yang diisi dengan lengkap ke bahagian berkenaan **sebelum atau pada 31 Mac tahun sebelumnya**;

- ii. bahagian menyemak kesediaan dan kelayakan sekolah serta melengkapkan **Borang Pengesahan Kesediaan Sekolah (rujukan: DLP-KPM 03/2024)**;
- iii. bahagian menghantar cadangan senarai sekolah kepada pihak BPSH **sebelum atau pada 30 April**;
- iv. BPSH akan menyelaraskan permohonan daripada bahagian KPM yang berkenaan bagi permohonan sekolah DLP kepada KPPM untuk kelulusan **sebelum atau pada 30 Jun**;
- v. BPSH memaklumkan kelulusan pelaksanaan DLP kepada bahagian KPM berkaitan untuk dipanjangkan kepada sekolah yang diluluskan;
- vi. sekolah melaksanakan kelas DLP berdasarkan kelulusan yang diberi; dan
- vii. sekolah yang telah diluluskan hendaklah membuat proses kerja penandaan sekolah, guru dan murid (**rujuk carta alir dan proses kerja penandaan (tagging) sekolah, guru dan murid DLP**).

12.2 Pembukaan Kelas

Pembukaan kelas yang melaksanakan DLP adalah seperti ketetapan yang berikut:

- 12.2.1 Pelaksanaan DLP bermula dengan murid Tahun 1 di sekolah rendah pembekal (feeder) dan Tingkatan 1 di sekolah menengah penerima (acceptor).
- 12.2.2 Sekolah **perlu mengambil kira bilangan murid dan kebolehpayaan untuk membuka kelas** mengikut syarat pembukaan kelas yang sedang berkuat kuasa (**Rujuk 5.0 Kriteria Penyertaan Sekolah**).
- 12.2.3 Sekolah rendah pembekal (feeder) **perlu mengambil kira keupayaan sekolah menengah penerima (acceptor) sedia ada** apabila membuat pembukaan kelas Tahun 1 pada setiap sesi persekolahan baharu. Sekolah perlu berbincang dengan PPD dengan merujuk kepada pemetaan tahunan yang telah dibuat oleh PPD untuk sekolah rendah pembekal (feeder) dan sekolah

menengah penerima (acceptor) bagi tujuan pembukaan kelas Tahun 1 pada setiap sesi persekolahan baharu.

- 12.2.4 Kelulusan bilangan kelas yang boleh dibuka oleh sekolah akan diberikan oleh JPN secara bertulis setelah proses verifikasi kesediaan sekolah dibuat oleh PPD berdasarkan surat permohonan dan **Borang Kesediaan Sekolah** untuk pembukaan kelas Tahun 1/Tingkatan 1 sesi persekolahan yang baharu.
- 12.2.5 Kelas boleh dibuka sekiranya bilangan murid yang diluluskan untuk mengikuti kelas yang melaksanakan DLP mencapai sekurang-kurangnya lima belas orang.
- 12.2.6 Sekolah yang sedang melaksanakan DLP hendaklah memaklumkan kepada bahagian/JPN sekiranya kelas yang melaksanakan DLP tidak dapat dibuka kerana tidak memenuhi **Perkara 12.2.5** atau sekiranya tiada permohonan langsung pada tahun berikutnya.
- 12.2.7 Sekolah baharu yang mendapat kelulusan pembukaan kelas tetapi tidak memenuhi **Perkara 12.2.5 selama dua tahun berturut-turut** hendaklah **memohon semula** kelulusan untuk melaksanakan DLP sekiranya persetujuan daripada ibu bapa memenuhi **Perkara 12.2.4** untuk tahun berikutnya.
- 12.2.8 **Pembukaan kelas yang melaksanakan DLP tidak boleh menjejaskan peluang murid lain untuk mengikuti mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Pihak sekolah hendaklah memastikan terdapat sekurang-kurangnya satu kelas di setiap Tahun/Tingkatan yang melaksanakan PdP menggunakan Bahasa Kebangsaan/bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar bermula dengan Tahun 1 dan Tingkatan 1 untuk sesi persekolahan baharu mulai tahun 2024/2025.**
- 12.2.9 Pihak sekolah perlu menghantar surat permohonan kepada JPN melalui PPD dengan mematuhi **Perkara 12.2.3** dan **Perkara 12.2.8** untuk penambahan kelas yang melaksanakan DLP.

12.3 Penempatan Murid

Penempatan murid Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP adalah seperti ketetapan yang berikut:

12.3.1 Tindakan ibu bapa/penjaga

Berikut adalah tindakan ibu bapa/penjaga yang perlu dilaksanakan:

- i. memberi persetujuan penyertaan murid menggunakan **Borang Persetujuan Penyertaan Murid (rujukan: DLP-KPM 01/2024)** yang diedar oleh sekolah pada **minggu pertama persekolahan**;
- ii. setelah persetujuan ibu bapa/penjaga diterima, pihak sekolah hendaklah menghantar surat pemakluman kepada ibu bapa/penjaga berkaitan penempatan murid dalam kelas yang melaksanakan DLP;
- iii. ibu bapa/penjaga boleh membuat permohonan bertulis bagi penempatan murid baharu Tingkatan 1 yang **tidak pernah** mengikuti kelas yang melaksanakan DLP pada peringkat sekolah rendah **atau** murid baharu Tingkatan 4 yang **tidak pernah** mengikuti kelas yang melaksanakan DLP pada peringkat menengah rendah berdasarkan kepada keupayaan murid, kesediaan serta kemampuan pihak sekolah; dan
- iv. ibu bapa/penjaga murid **BUKAN WARGANEGARA** perlu membuat permohonan bertulis kepada pihak sekolah bagi murid mengikuti kelas yang melaksanakan DLP dan kelulusan adalah berdasarkan keupayaan murid dan kesediaan sekolah serta **keutamaan diberikan kepada WARGANEGARA**.

12.3.2 Tindakan sekolah

Berikut adalah tindakan sekolah yang perlu dilaksanakan:

- i. mengadakan taklimat pelaksanaan kepada ibu bapa/penjaga dan mengedar **Borang Persetujuan Penyertaan Murid (rujukan: DLP-KPM 01/2024)** kepada ibu bapa/penjaga **selewat-lewatnya pada minggu pertama persekolahan**;
- ii. menerima dan memproses **Borang Persetujuan Penyertaan Murid** dan memaklumkan keputusan penempatan murid kepada ibu bapa/penjaga dalam tempoh **tujuh hari bekerja** dari hari akhir penerimaan borang persetujuan;
- iii. membuka kelas sekiranya bilangan murid mencapai sekurang-kurangnya **lima belas orang**;
- iv. sekolah hendaklah memaklumkan status pelaksanaan DLP kepada bahagian/JPN/PPD dan ibu bapa/penjaga;

- v. sekiranya terdapat kes rayuan permohonan atau permohonan baharu daripada ibu bapa/penjaga, sekolah hendaklah membuat pertimbangan dan keputusan berdasarkan kekosongan tempat. Keputusan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa/penjaga dalam tempoh **lima hari bekerja** daripada tarikh rayuan diterima;
- vi. melengkapkan **Borang Kesediaan Sekolah (rujukan: DLP-KPM 02/2024)** setelah permohonan pendaftaran murid Tahun 1/Tingkatan 1 selesai dan menghantar borang ke PPD dan JPN;
- vii. sekolah mengemas kini data kelas dan murid dalam sistem **Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) pada atau sebelum 31 Januari pada tahun semasa** dan apabila berlaku perubahan kepada bilangan murid;
- viii. sekolah bawah pengurusan BPSBP, BPI, BSKK dan BPLTV perlu menganalisis dan melapor status pelaksanaan DLP kepada bahagian **pada atau sebelum 31 Januari pada tahun semasa**. Sekolah juga perlu memaklumkan kepada bahagian tentang ketidakbolehlaksanaan DLP bagi sekolah yang baharu diluluskan; dan
- ix. murid **BUKAN WARGANEGARA** dibenarkan mengikuti kelas yang melaksanakan DLP berdasarkan kesediaan sekolah dan **keutamaan diberikan kepada WARGANEGARA**.

12.3.3 Tindakan PPD

Berikut adalah tindakan PPD yang perlu dilaksanakan:

- i. memastikan pengurusan pelaksanaan DLP pada peringkat sekolah /daerah dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Dual Language Programme Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2024;
- ii. PPD perlu melaksanakan pemantauan dan verifikasi setiap tahun ke atas semua sekolah rendah pembekal (feeder) dan sekolah menengah penerima (acceptor) untuk menyediakan laporan kepada JPN bagi membantu JPN menentukan bilangan kelas Tahun 1/Tingkatan 1 yang boleh dilaksanakan untuk sesi persekolahan baharu berdasarkan pematuhan terhadap kriteria yang terkandung dalam garis panduan terkini (**Rujuk 12.2 Pembukaan Kelas**);

- iii. PPD hendaklah memaklumkan status pelaksanaan DLP kepada JPN dengan menggunakan **Borang Pengesahan Kesediaan Sekolah (rujukan: DLP-KPM 03/2024)** dan **Borang Rumusan DLP: Bilangan Kelas dan Murid (rujukan: DLP-KPM 04/2024)**. Sekiranya ada sekolah yang telah mendapat kelulusan tetapi tidak dapat membuka kelas kerana murid kurang daripada **15 orang**, PPD hendaklah **memaklumkan ketidakbolehlaksanaan DLP** kepada JPN;
- iv. menyemak pengisian data bilangan kelas dan murid dalam sistem APDM **pada atau sebelum 31 Januari pada tahun semasa**; dan
- v. menganalisis dan melaporkan status pelaksanaan DLP kepada pengurusan JPN.

12.3.4 Tindakan JPN

Berikut adalah tindakan JPN yang perlu dilaksanakan:

- i. menyemak pengisian data bilangan kelas dan murid dalam sistem APDM; dan
- ii. menganalisis dan melapor status pelaksanaan kepada pengurusan JPN dengan menggunakan **Borang Rumusan DLP: Bilangan Kelas dan Murid (rujukan: DLP-KPM 05/2024)** dan menghantar kepada BPSH **pada atau sebelum 31 Januari pada tahun semasa**.

12.4 Penempatan Murid ke Sekolah Menengah Penerima (Acceptor) yang Melaksanakan DLP

Murid yang ingin meneruskan kelas DLP di sekolah menengah penerima (acceptor) perlu mencapai tahap penguasaan TP3 untuk mata pelajaran BM dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Gred D dalam Ujian Akhir Sesi Akademik di Tahun 6. Hal ini selari dengan Dasar MBMMBI dan kedudukan BM sebagai Bahasa Kebangsaan.

12.5 Pertukaran Murid

Sekolah asal bertanggungjawab untuk menyertakan surat pengesahan murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP bersama-sama dokumen pertukaran yang lain.

- 12.5.1 Pertukaran murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP ke sekolah lain yang melaksanakan DLP. Sekolah baharu hendaklah mendaftar murid ini di kelas yang melaksanakan DLP.

- 12.5.2 Pertukaran murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP ke sekolah yang tidak melaksanakan DLP hendaklah dengan persetujuan ibu bapa/penjaga yang dinyatakan secara bertulis. Murid hendaklah mengikuti PdP seperti yang ditawarkan di sekolah baharu.

13.0 Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat.

13.1 JPN

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab JPN yang perlu dilaksanakan:

13.1.1 Penataran DLP

Melaksanakan sesi penerangan tentang DLP berdasarkan **garis panduan yang sedang berkuat kuasa** kepada PPD dan sekolah yang memohon untuk menyertai DLP.

13.1.2 Pengesahan penyertaan sekolah

- i. menyemak dan menentusahkan kesediaan sekolah sebelum menyokong permohonan sekolah berdasarkan kriteria penyertaan sekolah pada **Perkara 5.0**; dan
- ii. menghantar senarai sekolah yang telah disahkan oleh Pengarah JPN untuk melaksanakan DLP kepada BPSH.

13.1.3 Pengurusan pelaksanaan DLP

- i. memastikan bekalan buku teks di negeri mencukupi dengan pengesahan dan pesanan buku teks oleh Pengarah JPN dilaksanakan **dalam bulan Mei setiap tahun sebelumnya**. Buku teks dalam bentuk digital untuk mata pelajaran DLP juga boleh diperolehi melalui pelantar DELIMA KPM;
- ii. memastikan pengurusan pelaksanaan DLP pada peringkat daerah/negeri dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Dual Language Programme Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024;
- iii. memastikan penempatan semula guru dilaksanakan bagi membantu pelaksanaan DLP di sekolah;

- iv. **menyemak dan menentusahkan kesediaan sekolah sebelum memberikan keputusan secara bertulis bilangan kelas yang boleh dibuka untuk melaksanakan DLP untuk setiap sekolah bagi setiap tahun;**
- v. **memastikan pemakluman kebolehlaksanaan dan ketidakbolehlaksanaan kelas baharu dan kelas sedia ada yang melaksanakan DLP** di sekolah yang telah diluluskan kepada BPSH;
- vi. mengadakan mesyuarat bagi menyelaraskan pelaksanaan DLP secara berkala bersama-sama PPD/sekolah; dan
- vii. mengenal pasti dan mencadangkan sekolah menengah yang berpotensi dijadikan sebagai sekolah menengah penerima (acceptor) yang baharu sebagai langkah perancangan untuk memenuhi permintaan yang meningkat berdasarkan perbincangan dan pemetaan yang dibuat oleh PPD.

13.1.4 Pelaksanaan pemantauan DLP

- i. memastikan perancangan jangka panjang dan jangka pendek DLP disediakan oleh PGB dan dilaksanakan;
- ii. memantau pelaksanaan DLP **sekurang-kurangnya empat kali setahun** bagi memastikan tindakan susulan dilaksanakan dengan berkesan;
- iii. melaporkan dapatan pemantauan kepada Pengarah JPN dalam Mesyuarat *Task Force* DLP negeri dan memaklumkan pelaporan kepada urus setia Jawatankuasa *Task Force* DLP KPM;
- iv. membentangkan cadangan penambahbaikan pelaksanaan DLP berdasarkan dapatan pemantauan kepada pengurusan JPN;
- v. memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan dapatan pemantauan; dan
- vi. mengadakan mesyuarat bagi menyelaraskan pelaksanaan DLP secara berkala bersama-sama PPD/sekolah.

13.2 PPD

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab PPD yang perlu dilaksanakan:

13.2.1 Penataran DLP

Melaksanakan sesi penerangan tentang DLP kepada sekolah yang telah mendapat kelulusan untuk menyertai DLP **sebulan sebelum sekolah beroperasi**.

13.2.2 Pengurusan permohonan penyertaan sekolah

- i. membuat verifikasi kesediaan sekolah yang memohon berdasarkan kriteria penyertaan sekolah pada **Perkara 5.0**;
- ii. mengemukakan permohonan penyertaan sekolah yang memenuhi kriteria pelaksanaan DLP seperti yang ditetapkan dalam garis panduan yang sedang berkuat kuasa; dan
- iii. memaklumkan kepada sekolah yang memohon tentang status permohonan.

13.2.3 Pengurusan pelaksanaan DLP

- i. memantau pelaksanaan DLP **sekurang-kurangnya empat kali setahun** bagi memastikan tindakan susulan dan penambahbaikan dilaksanakan dengan berkesan;
- ii. melaksanakan verifikasi terhadap setiap sekolah yang melaksanakan DLP dan memberikan laporan kepada JPN untuk penentuan kelulusan bilangan kelas yang boleh dibuka oleh sekolah berdasarkan surat permohonan dan **Borang Kesediaan Sekolah** untuk pembukaan kelas Tahun 1/Tingkatan 1 sesi persekolahan yang baharu;
- iii. menyemak dan menentusahkan kelayakan dan kesediaan sekolah untuk melaksanakan DLP. PPD kemudian akan menghantar surat permohonan dan menyertakan **Borang Kesediaan Sekolah** yang telah diverifikasi kepada JPN;
- iv. memastikan bekalan buku teks di daerah mencukupi. Buku teks dalam bentuk digital untuk mata pelajaran DLP juga boleh diperoleh melalui pelantar DELIMA KPM;
- v. memastikan **pemetaan sekolah rendah pembekal (feeder) dan sekolah menengah penerima (acceptor) disediakan dan dikemas kini setiap tahun** untuk kelangsungan DLP pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah;

- vi. memastikan jumlah guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP mencukupi di setiap sekolah terlibat; dan
- vii. memastikan PdP murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP tidak terjejas sekiranya terdapat pertukaran guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP.

13.2.4 Pelaksanaan khidmat bantu DLP

- i. melaksanakan dialog prestasi dengan sekolah yang melaksanakan DLP;
- ii. memberi sokongan dan khidmat bantu kepada sekolah yang melaksanakan DLP (contoh; nasihat, kursus, bengkel, jawatankuasa guru peringkat daerah dan lain-lain);
- iii. memastikan tindakan sokongan dan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan hasil dapatan pelaksanaan khidmat bantu; dan
- iv. menyediakan laporan pelaksanaan khidmat bantu dan melaporkan kepada JPN.

13.3 Pengetua/Guru Besar (PGB)

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab PGB yang perlu dilaksanakan:

13.3.1 Permohonan penyertaan sekolah dalam DLP

- i. memastikan sekolah memenuhi semua kriteria penyertaan sekolah pada **Perkara 5.0** dan tatacara pembukaan dan pengoperasian DLP pada **Perkara 12.0** sebelum membuat permohonan;
- ii. **memastikan guru yang berkeupayaan* mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan dalam bahasa Inggeris (rujuk Perkara 6.3, muka surat 6) mencukupi** bagi memastikan murid menamatkan persekolahan pada Tahun 6 bagi sekolah rendah/Tingkatan 5 bagi sekolah menengah;
(*keupayaan guru merujuk kepada pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM sekurang-kurangnya kepujian atau setara dengannya.)

- iii. mengisi dan menghantar surat permohonan sekolah dan **Borang Kesediaan Sekolah (rujukan: DLP-KPM 02/2024)** kepada PPD/JPN/bahagian; dan
- iv. mendapatkan status kelulusan pelaksanaan DLP daripada PPD/JPN/bahagian.

13.3.2 Penataran DLP

Melaksanakan penataran tentang DLP kepada ibu bapa/penjaga, guru dan pihak yang berkepentingan **secara berkala**.

13.3.3 Pelaksanaan program bimbingan dan sokongan

- i. memastikan komuniti pembelajaran profesional (PLC) diwujudkan untuk membantu guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP; dan
- ii. mengenal pasti kursus dan latihan yang sesuai untuk membantu guru memantapkan PdP mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan dalam bahasa Inggeris dengan menyediakan program pembangunan profesionalisme secara terancang dan berterusan.

13.3.4 Pelaksanaan pemantauan DLP

- i. mencerap PdP kelas yang melaksanakan DLP dengan menggunakan instrumen **Standard 4: Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)** yang sedang berkuat kuasa; dan
- ii. mengenal pasti aspek penambahbaikan untuk DLP.

13.3.5 Pengurusan pelaksanaan DLP

- i. memastikan bekalan buku teks dan sumber PdP untuk murid mencukupi. Buku teks dalam bentuk digital (softcopy) untuk mata pelajaran DLP juga boleh diperolehi melalui pelantar DELIMa KPM;
- ii. mengemas kini data murid, kelas dan guru dari semasa ke semasa;
- iii. memastikan penempatan murid mengikut prosedur dan tempoh masa yang ditetapkan;

- iv. memaklumkan ketidakbolehlaksanaan kelas kepada PPD/JPN/bahagian secara bertulis;
- v. menyimpan semua dokumen berkaitan DLP untuk **tempoh tujuh tahun** sebelum dilupuskan; dan
- vi. mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan kelestarian dan kelangsungan program DLP (**Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 Tahun 2018, bertarikh 19 Disember 2018: Kesyukuran Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) di Peringkat Menengah Atas Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2019**).

13.4 Guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP:

13.4.1 Perancangan PdP DLP

- i. menggunakan DSKP mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan seperti **Perkara 8.0**; dan
- ii. **menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan seperti Perkara 8.0 bagi kelas yang melaksanakan DLP dalam bahasa Inggeris.**

13.4.2 Pelaksanaan PdP DLP

- i. **melaksanakan PdP mata pelajaran Sains dan/atau Matematik seperti Perkara 8.0 bagi kelas yang melaksanakan DLP dalam bahasa Inggeris;**
- ii. melaksanakan **pentaksiran bilik darjah dan peperiksaan dalaman sekolah** secara formatif dan/atau sumatif bagi mata pelajaran Sains dan/atau Matematik seperti **Perkara 8.0** yang ditetapkan untuk kelas yang melaksanakan DLP dalam **dwibahasa**; dan
- iii. melaksanakan intervensi yang bersesuaian kepada murid sekiranya perlu untuk mata pelajaran Sains dan/atau Matematik seperti **Perkara 8.0** bagi kelas yang melaksanakan DLP.

14.0 Pengurusan DLP

Berikut adalah pengurusan DLP pada pelbagai peringkat:

- 14.1 Pengurusan DLP di sekolah menengah penerima (acceptor) hendaklah berada bawah Guru Kanan Mata Pelajaran Sains dan Matematik, manakala bagi sekolah rendah pembekal (feeder) diletakkan bawah Ketua Panitia Sains atau Ketua Panitia Matematik.
- 14.2 **Ketua Panitia Bahasa Inggeris** hendaklah membantu pengurusan DLP dari aspek Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) guru yang melaksanakan DLP.
- 14.3 Pengurusan dan bimbingan DLP pada peringkat daerah adalah bawah Sektor Pembelajaran PPD.
- 14.4 Pengurusan DLP pada peringkat negeri adalah bawah Unit Sains dan Unit Matematik, Sektor Pembelajaran JPN.
- 14.5 Kelulusan pelaksanaan DLP adalah tertakluk kepada keputusan Pengurusan Tertinggi KPM.


15.0 Penutup

Bagi mencapai objektif pelaksanaan DLP, kejayaan DLP bergantung kepada komitmen dan kecekapan semua pihak yang terlibat dalam memastikan kebolehlaksanaan dan kelestarian program ini pada peringkat sekolah.


Kementerian Pendidikan Malaysia
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

16.0 Carta Alir


**CARTA ALIR DAN PROSES KERJA PENANDAAN (TAGGING)
SEKOLAH, GURU DAN MURID *DUAL LANGUAGE PROGRAMME***



**CARTA ALIR PERMOHONAN
PELAKSANAAN PROGRAM *DUAL LANGUAGE PROGRAMME***



Permohonan dihantar sebelum atau pada 31 Mac tahun sebelumnya.



Penghantaran senarai sekolah adalah sebelum atau **pada 30 April**.

Pembentangan untuk kelulusan adalah sebelum atau **pada 30 Jun**.



Kementerian Pendidikan

**BORANG PERSETUJUAN PENYERTAAN MURID
DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)
TAHUN**

MAKLUMAT MURID:

- 1. Nama Murid:
- 2. Tahun/ Tingkatan:
- 3. No. Kad Pengenalan:
- 4. Jantina:

MAKLUMAT IBU BAPA/PENJAGA

- 1. Nama Ibu Bapa/Penjaga:
- 2. No. Kad Pengenalan:
- 3. Alamat Rumah:
- 4. No. Telefon (R):
- 5. No. Telefon Bimbit:
- 6. Pekerjaan Bapa:
- 7. Nama Ibu:
- 8. No. Kad Pengenalan:
- 9. No. Telefon:
- 10. Pekerjaan Ibu:

PENGAKUAN IBU BAPA/PENJAGA

Saya bersetuju agar anak/anak jagaan* saya mengikuti program ini sehingga tamat persekolahan di sekolah yang melaksanakan DLP.

.....
()
Nama dan Tandatangan

*sila potong yang tidak berkenaan

Surat Pemakluman kepada Ibu Bapa/Penjaga

No Rujukan:

Tarikh:

.....
.....
.....

Tuan,

KEPUTUSAN PENEMPATAN MURID DI KELAS YANG MELAKSANAKAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP)

Dimaklumkan bahawa borang persetujuan tuan bertarikh: telah diterima.

2. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah memaklumkan bahawa
.....
(nama murid)

ditempatkan di kelas yang melaksanakan DLP

tidak ditempatkan di kelas yang melaksanakan DLP kerana

.....

Sebarang rayuan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada kekosongan dan kesediaan sekolah.

Sekian. Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

.....

()

Tandatangan Pengetua/Guru Besar

Cap Sekolah



Kementerian Pendidikan

**DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)
BORANG KESEDIAAN SEKOLAH
TAHUN _____**

Permohonan DLP bagi:

Tahun 1

Tingkatan 1

BAHAGIAN A: MAKLUMAT SEKOLAH

1. Nama Sekolah

2. Kod Sekolah

3. No. Telefon

4. No. Faks.

5. e-Mel Sekolah

6. Nama Pengetua/
Guru Besar
BAHAGIAN B : BILANGAN MURID DAN KELAS BAGI TAHUN PELAKSANAAN

Bil.	Perkara	Tahun 1			Tingkatan 1		
		DLP	Bukan DLP	Jumlah	DLP	Bukan DLP	Jumlah
1.	Kelas yang melaksanakan DLP akan dibuka daripada keseluruhan kelas Tahun 1/Tingkatan 1						
2.	Jumlah murid terlibat daripada keseluruhan murid Tahun 1/Tingkatan 1						

BAHAGIAN C: BILANGAN GURU MENGAJAR SAINS DAN MATEMATIK KESELURUHAN DAN CADANGAN GURU MENGAJAR KELAS DLP

Bil.	Tahun/ Tingkatan	Kategori	Bilangan Guru Keseluruhan		Cadangan Bilangan Guru Mengajar kelas Melaksana DLP	
			Sains	Matematik	Sains	Matemati k
1.	Tahun 1 / Tingkatan 1	Guru Opsyen				
		Bukan opsyen				
2.	Tahun atau Tingkatan lain	Guru Opsyen				
		Bukan opsyen				

BAHAGIAN D: SENARAI NAMA GURU SAINS DAN MATEMATIK YANG BERKEUPAYAAN MENGAJAR DALAM BAHASA INGGERIS

Bil.	Nama Guru	Mata Pelajaran Dan Kelas Diajar	Justifikasi Kelayakan Guru (Rujuk Perkara 6.2 dalam Garis Panduan Pelaksanaan DLP KPM Tahun 2024)

BAHAGIAN E: PERANCANGAN SEKOLAH

Rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah merangkumi aspek yang berikut:

Bil.	Perkara	Perancangan jangka pendek (5 tahun)	Perancangan jangka panjang (10 tahun)
1.	Guru		
2.	Murid		
3.	Kelas		
4.	Sumber PdP		
5.	Kemudahan ruang pembelajaran		

6.	Sokongan ibu bapa dan masyarakat setempat		
----	---	--	--

Sila sediakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang lengkap di sekolah untuk rujukan pihak PPD, JPN dan KPM bersama-sama permohonan ini.

Nyatakan kenapa sekolah ini perlu dipertimbangkan untuk mengikuti DLP.


PERAKUAN PENGETUA/ GURU BESAR

Pihak sekolah bersetuju melaksanakan *Dual Language Programme*. Semua maklumat yang diberikan adalah benar dan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2024 bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan.

.....
Tandatangan Pengetua/Guru Besar

Nama : _____

Tarikh : _____





Kementerian Pendidikan

**DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)
BORANG PENGESAHAN KESEDIAAN SEKOLAH
TAHUN _____**

Arahan: Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh Bahagian/PPD dan dikepilkan bersama-sama dengan setiap borang permohonan sekolah untuk dikemukakan kepada BPSH/JPN bagi mendapatkan pengesahan kesediaan sekolah melaksanakan DLP.

Nama Sekolah Yang Memohon	
----------------------------------	--

Kesediaan Sekolah

Kriteria yang ditetapkan	Ulasan
<p>Sebanyak 70 peratus murid Tahun 6 mencapai TP3 untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Gred D dalam Ujian Akhir Sesi Akademik.</p> <p>Bagi SJK perlu juga mengambil kira sebanyak 70 peratus murid Tahun 6 mencapai Tahap Penguasaan TP3 untuk mata pelajaran bahasa ibunda dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Gred D dalam Ujian Akhir Sesi Akademik.</p>	

SPM (Gred Purata Mata Pelajaran)	
Keperluan Guru Sains dan Matematik	
Permintaan dan Sokongan daripada Ibu Baba/ Penjaga	

Kriteria	Ulasan
Ulasan secara keseluruhan	Sekolah ini bersedia / tidak bersedia kerana

Disediakan oleh :

.....
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

.....
Kegunaan Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri

Sekolah ini **memenuhi / tidak memenuhi** semua kriteria dan **dicadang/tidak dicadang** untuk melaksanakan *Dual Language Programme*.

Disediakan oleh :

.....
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :



Kementerian Pendidikan

**BORANG RUMUSAN DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP):
BILANGAN KELAS DAN MURID
PERINGKAT PPD**

NAMA PPD: _____

Bil.	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Bilangan Kelas		Bilangan Murid	
			Tahun 1	Tingkatan 1	Tahun 1	Tingkatan 1

Disediakan oleh,

Disahkan oleh,

.....
(Penyelaras DLP Daerah)

.....
(Pegawai Pendidikan Daerah)



Kementerian Pendidikan

BORANG RUMUSAN DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP): BILANGAN KELAS DAN MURID PERINGKAT NEGERI

NAMA JPN: _____

Bil.	PPD	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Bilangan Kelas		Bilangan Murid		Nama Sekolah Feeder (untuk sekolah menengah sahaja)	Nama Sekolah Acceptor (untuk sekolah rendah sahaja)
				Tahun 1	Tingkatan 1	Tahun 1	Tingkatan 1		

Disediakan oleh,

.....
(Penyelaras DLP Negeri)

Disemak oleh,

.....
Timbalan Pengarah,
(Sektor Pembelajaran)